**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**17 Nov 2020 (Selasa)**

**Berita Harian**
'Muhyiddin disokong pelbagai lapisan rakyat terajui negara' 1
Visi-Pasca 2020 ambil kira pemulihan negara anggota 2

**Utusan Malaysia**
APEC: Pacu agenda perdagangan, pelaburan 3
RCEP bukti keterbukaan pasaran 4

**Harian Metro**
Selamba rata tanah lupus sampah secara haram 5

**Sinar Harian**
Jendela sasar Selangor negeri pintar 6
MPS gempur lokasi tapak sampah haram 7
27 kawasan bakal alami gangguan bekalan air berjadual 8

**KOSMO Online**
9,423 individu hilang kerja di Selangor 9

**myMetro On-line**
Bersidang dalam talian 10

**Sinar Harian Online**
Amanah sahkan ADUN Meru keluar parti sertai PKR 11
9,423 pekerja di Selangor diberhenti kerja 12
Sultan Selangor, Tengku Permaisuri zahir ucapan takziah pemergian Zaleha 13

**The Star**
WASTE COLLECTION 14
Alert system to help firms 15
Getting strict with parking 16
Meru state assemblyman leaves Amanah for PKR 17

**New Straits Times**
Meru state assemblyman leaves Amanah for PKR 18

**The Malaysian Reserve**
RINGGIT HIGHER AFTER SIGNING OF RCEP 19

**The Star Online**
Amanah assemblyman coy over PKR rumours 20

**China Press**
New cluster broke out and pandemic continued to heat up, It is recommended that the EMCO implement on red zone to stop the chain 21
Klang Meru Jalan Teratai Cluster, pandemic is heating up again and causing residents to panic 22
Amanah confirmed that it was true, Adun Meru jumped to PKR 23
People in Taman Kinrara take the initiative to join in the rescue through the night 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**Sin Chew Daily**

Due to replace water pipe valve, 27 areas of Kuala Langat and Sepang water cuts on 24th 25
Izham: The state government determines the route of the PJD link, but the final decision is made by the federal government 26

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | 'Muhyiddin disokong pelbagai lapisan rakyat terajui negara' |
| Muka Surat | : | 14 |

# 'Muhyiddin disokong pelbagai lapisan rakyat terajui negara'

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi pemimpin pilihan sebagai Perdana Menteri dengan sokongan diperoleh bukan hanya daripada orang Melayu dan Bumiputera, tetapi juga kaum Cina serta India.

Hasil penyelidikan dijalankan badan pemikir bebas, Emir Research bagi suku ketiga tahun ini (3Q20) pada Ogos lalu, mendapati Ahli Parlimen Pagoh itu memperoleh 65 peratus sokongan daripada 2,064 responden yang terbabit dalam tinjauan penyelidikan berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pula menduduki tempat kedua dengan sokongan 10 peratus, diikuti Presiden PKR yang juga Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan lapan peratus.

Ia disusuli Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (6 peratus) dan Presiden UMNO merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (3 peratus).

Yang turut tersenarai dalam tinjauan itu adalah bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang memperoleh sokongan tiga peratus; Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (2 peratus) serta bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (1 peratus).



***Muhyiddin terus** mendapat sokongan pelbagai kaum untuk menerajui pentadbiran Putrajaya.*

Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) merangkap Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelapan pada 1 Mac lalu.

Hasil tinjauan penyelidikan itu juga mendapati, corak sokongan tinggi terhadap Muhyiddin merentasi pelbagai kumpulan demografi apabila memperoleh sokongan lebih besar daripada responden bandar, iaitu 68 peratus.

"Muhyiddin menjadi pilihan di seluruh negeri kecuali Pulau Pinang, yang diperoleh Dr Mahathir dengan sokongan terbesar.

"Dari segi gender, kumpulan responden wanita juga menunjukkan sokongan kuat kepada Muhyiddin dengan 73 peratus.

"Dari segi usia, beliau mendapat lebih banyak sokongan dari kalangan orang muda. Beliau juga mendapat sokongan lebih besar dalam kalangan orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak," menurut laporan tinjauan itu.

Laporan berkenaan menunjukkan, Muhyiddin memperoleh sokongan cukup kuat daripada kaum Cina dan India, masing-masing dengan 50 dan 49 peratus.

"Sokongan kedua tertinggi dalam kedua-dua kumpulan etnik ini pula diberikan kepada Anwar," kata Emir Research yang turut memaklumkan golongan berpendidikan tinggi juga memberi sokongan positif kepada Muhyiddin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**17 November 2020**

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Visi-Pasca 2020 ambil kira pemulihan negara anggota |
| Muka Surat | : | 15 |

*Mesyuarat Peringkat Menteri Persidangan APEC 2020*

# Visi-Pasca 2020 ambil kira pemulihan negara anggota

## Panduan jangka panjang rancakkan perdagangan, ekonomi Asia Pasifik

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my



***Mohamed Azmin tiba untuk mempengerusikan** mesyuarat APEC peringkat menteri secara mayapada mesyuarat APEC 2020, malam tadi.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Visi-Pasca 2020 yang akan menjadi panduan jangka panjang merancakkan perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi Asia Pasifik (APEC), turut mengambil kira proses pemulihan pasca COVID-19.

Menteri Kanan Perdagangan, Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata ia bagi memastikan kelangsungan dan perkembangan ekonomi APEC yang berdaya tahan dan lestari.

Beliau berkata, ini bakal menjadi rujukan sama seperti visi pertama - Matlamat Bogor yang diperkenalkan di Bogor, Indonesia pada 1994.

Beliau berkata, dokumen berkenaan akan memainkan peranan penting dalam merangka hala tuju strategik serantau dari jangka masa panjang, sekurang-sekurangnya untuk dua dekad lagi.

"Kita berbesar hati kerana Malaysia adalah peneraju dalam penghasilan dokumen penting ini, satu manifestasi terhadap komuniti Asia Pasifik yang terbuka, dinamik dan berdaya tahan.

"Kita juga amat terharu kerana menerima sokongan padu dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi semua pihak, khususnya pakar ekonomi dalam melengkapi fasa akhir Visi Pasca 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan Mesyuarat Peringkat Menteri, Persidangan APEC 2020, di sini, malam tadi.

Azmin juga berkata, kerajaan turut menambah baik aspek perdagangan serantau dan agenda pelaburan, tanpa mengenepikan intipati sebenar matlamat kerjasama APEC.

"Semua proses ini dilakukan dengan begitu menyeluruh sambil menangani cabaran pandemik COVID-19, yang memberi kesan bukan sedikit terhadap landskap ekonomi global," katanya.

APEC 2020
MALAYSIA
#MyAPEC2020

Mengulas lanjut, beliau berkata, tumpuan dan keutamaan tahun ini turut diberikan kepada usaha menambah baik naratif perdagangan serta pelaburan, menerusi langkah menterjemah kesemua elemen terbabit menjadi satu pertumbuhan ekonomi inklusif.

"Ini bagi memberikan manfaat lebih besar dan kesejahteraan menyeluruh ke atas semua rakyat," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | APEC: Pacu agenda perdagangan, pelaburan |
| Muka Surat | : | 3 |

# APEC: Pacu agenda perdagangan, pelaburan

APEC 2020 MALAYSIA

**Oleh ASLINDA NASIR**
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my



**MOHAMED Azmin Ali dalam ucapan pembukaan Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri APEC (AMM) secara maya di Kuala Lumpur malam tadi.**

**KUALA LUMPUR:** Dalam keadaan penularan wabak Covid-19, ia menjadi detik bersejarah buat Malaysia kerana menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) secara maya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam ucapan pembukaan Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri APEC (AMM) berkata, aspek paling signifikan yang dilakukan kini adalah penyempurnaan tugas dan peranan bersama dalam mencipta langkah pasca Wawasan 2020.

"Ia satu penghormatan buat Malaysia memimpin dan merealisasikan dokumen penting ini yang akan mewujudkan warga Asia Pasifik yang terbuka, dinamik dan berdaya tahan dengan berpaksikan masyarakat yang berkongsi kemakmuran.

"Saya juga terharu dengan sokongan dan kerjasama padu diberi semua sektor.

"Selain merumuskan visi, kami juga memacukan agenda perdagangan dan pelaburan serantau dengan terus berpaksikan APEC. Kami melakukannya ketika menguruskan cabaran akibat penularan wabak Covid-19 yang telah menyebabkan gangguan rantaian dan mengganggu gugat landskap ekonomi global," katanya.

Terdahulu, Azmin dalam kenyataannya turut memaklumkan kerajaan pada malam tadi telah bermesyuarat bersama 21 ekonomi yang akan berkongsi idea, pandangan dan cadangan dengan fokus kepada pelbagai inisiatif di dalam bidang ekonomi digital, wanita, jaminan makanan, kelestarian dan perusahaan kecil dan sederhana.

"Saya mengalu-alukan kehadiran menteri-menteri dan ketua-ketua delegasi dari 21 ekonomi dan berharap satu perbincangan yang konstruktif dan progresif dengan fokus kepada usaha untuk menangani impak pandemik Covid-19 dan memacu wawasan baru untuk APEC," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | RCEP bukti keterbukaan pasaran |
| Muka Surat | : | 35 |

# RCEP bukti keterbukaan pasaran

Oleh AFIQ MOHD. SHAH
afiqsyahmi.shah@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang ditandatangani 15 negara semalam disifatkan sebagai kepercayaan terhadap keterbukaan pasaran sekali gus membawa kepada pertumbuhan ekonomi lebih meluas.

Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Bank Malaysia Berhad, Stuart Milne berkata, RCEP mungkin bakal menjadi tonik terbaik yang diperlukan negara-negara Asia untuk pulih daripada kemelesetan akibat pandemik Covid-19.

Beliau berkata, dagangan intra-Asia yang sememangnya lebih besar berbanding perdagangan antara Asia dengan Amerika Utara dan Eropah akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi global.

Dalam masa yang sama, Milne turut berpendapat ia juga akan menarik pusat ekonomi dunia ke arah benua Asia.

"Kami berharap ahli-ahli RCEP akan kekal membina kemajuan yang telah dicapai dan seterusnya meliberalisasikan perdagangan serta pelaburan di rantau ini.

"Sebagai pintu masuk ke ASEAN, Malaysia dapat memperkukuhkan lagi perdagangan rentas sempadannya dan hubungan ekonomi dengan rakan RCEP," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebanyak 15 negara menandatangani RCEP secara maya, Ahad lalu dengan harapan dapat membantu untuk bangkit semula daripada kesan Covid-19.

RCEP merangkumi 10 ekonomi Asia Tenggara bersama China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Australia.

India yang juga rakan dialog ASEAN bagaimanapun memilih untuk menarik diri daripada kerjasama berkenaan.

Mengulas lanjut, Milne berkata, dengan akses pasaran lebih meluas, sektor perniagaan Malaysia boleh berharap untuk berkembang ke serantau dan global.

"Kami turut menantikan lebih banyak pelaburan ke dalam negara dan juga rantau ini secara keseluruhan dengan lebih banyak syarikat asing untuk berpangkalan di ASEAN memandangkan RCEP berkesan membolehkan penumpuan antara perjanjian perdagangan bebas (FTA)," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmad Razman Abdul Latiff berpendapat, keputusan Malaysia menandatangani RCEP adalah tepat kerana pada masa kini nilai perdagangan antara negara Asia sudah melebihi nilai perdagangan mereka dengan Amerika Utara dan Eropah.

"RCEP membolehkan Malaysia meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara ASEAN yang lain termasuk lima negara dagang Asia iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

"Ini termasuklah menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur di negara ASEAN termasuklah Malaysia.

"RCEP juga membantu syarikat-syarikat Malaysia termasuk PKS mengembangkan perniagaan mereka melangkaui pasaran domestik terutamanya apabila banyak tarif yang dikenakan oleh negara-negara di bawah RCEP selepas ini akan dihapuskan," katanya.




MUHYIDDIN Yassin dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azman Ali selepas majlis menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomo Komprehensif Serantau secara maya di Kuala Lumpur, Ahad lalu. - UTUSAN/ SHIDDIEQIIN ZON

**RCEP dan manfaatnya kepada ekonomi Malaysia**

- Membawa integrasi ekonomi lebih komprehensif dalam rantau Asia Pasifik
- Memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan
- Peluang syarikat Malaysia mengembangkan perniagaan ke negara-negara RCEP
- Menarik lebih banyak pelabur asing ke ASEAN termasuk Malaysia
- Melibatkan 15 negara dengan 2.2 bilion populasi, kira-kira 29.7 peratus daripada populasi dunia
- Merangkumi 28.9 peratus KDNK dunia
- Jumlah dagangan dan peratus daripada dagangan dunia - RM39.3 trilion (28.7 peratus)*
- Eksport dan peratus daripada eksport dunia - RM20.9 trilion (30.8 peratus)*
- Import dan peratus daripada import dunia - RM18.4 trilion (26.7 peratus)*

* Data 2016, tidak mengambil kira penarikan diri India.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Selamba rata tanah lupus sampah secara haram |
| Muka Surat | : | 22 |

# Selamba rata tanah lupus sampah secara haram



ANGGOTA penguat kuasa MPS menyerbu kawasan yang dijadikan tempat pelupusan sampah secara haram.

**Gombak:** Tindakan individu tidak bertanggungjawab menggunakan tanah di Sungai Pusu di sini, untuk melupuskan sampah secara haram berjaya dikesan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Hasilnya, tiga jentera yang digunakan untuk meratakan tanah disita di Rumpun Buana dan kawasan berhampiran Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Sabtu lalu.

MPS memaklumkan jentera yang disita disyaki digunakan untuk meratakan kawasan dan dijadikan sebagai tapak pembuangan sampah haram.

"Dalam operasi di Rumpun Buana, MPS menyita sebuah jentera ekskavator dan jentolak di tapak pembuangan sampah haram manakala di lokasi kedua, sebuah jengkaut disita ketika sedang membuat kerja tanah tanpa kelulusan.

"Semua tindakan diambil atas kesalahan Seksyen 70A(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Katanya, MPS memandang serius isu kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan pentadbiran Selayang dan akan melaksanakan pemantauan di semua tumpuan.

Tambahnya, MPS menyeru semua pihak melupuskan sampah di kawasan yang dibenarkan sahaja.





ANTARA jentera yang dirampas dalam gerakan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Jendela sasar Selangor negeri pintar |
| Muka Surat | : | 23 |

# Jendela sasar Selangor negeri pintar

Mampu manfaat rakyat Selangor dalam perkhidmatan komunikasi

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) yang akan melibatkan Selangor bakal membuka peluang jalinan kerjasama dalam memperkukuhkan pembangunan dan perkhidmatan komunikasi di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menerusi kemas kini di laman Facebook semalam memaklumkan bahawa pihaknya telah menerima kunjungan hormat delegasi daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diketuai Pengerusinya, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek.

FOTO: IHSAN FB AMIRUDIN SHARI



Amirudin (kiri) menerima taklimat berhubung agenda Jendela di Selangor semalam.

Menerusi pertemuan itu, beliau berkata, pihaknya telah diberi taklimat dan mengadakan perbincangan mengenai pelaksanaan agenda Jendela itu yang akan turut memberi manfaat kepada rakyat Selangor.

"Menerima taklimat dan mengadakan perbincangan mengenai Jendela yang akan dilaksanakan melibatkan Selangor.

"Pertemuan ini turut memberi peluang jalinan kerjasama bagi memperkukuhkan pembangunan dan perkhidmatan komunikasi khusus buat manfaat rakyat di Selangor," katanya.

Pada 29 Ogos lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Jendela yang merupakan satu inisiatif oleh kerajaan dan pemain industri bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur lebih menyeluruh.

Jendela merupakan perancangan semula pembangunan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang dirangka sebelum pandemik koronavirus (Covid-19) melanda negara.

Amirudin berkata, pelaksanaan Jendela juga sejajar dengan misi Selangor ke arah menuju negeri pintar menjelang tahun 2025 serta pelaksanaan agenda digitalisasi seperti diumumkan sewaktu Belanjawan Selangor 2021 baru-baru ini.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>17 November 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MPS gempur lokasi tapak sampah haram |
| Muka Surat | : | 23 |

# MPS gempur lokasi tapak sampah haram



**Tiga jentera disita dalam operasi berasingan lokasi tapak sampah dijalankan anggota MPS di sekitar Sungai Pusu, Gombak di sini kelmarin.**

**GOMBAK -** Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menyita tiga jentera disyaki digunakan untuk meratakan kawasan sebelum dijadikan tapak pembuangan sampah haram.

Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berkata, kesemua jentera itu ditemui dalam operasi berasingan di lokasi tapak sampah di sekitar Sungai Pusu, Gombak di sini kelmarin.

"Pada operasi tapak pembuangan sampah haram di Rumpun Buana Sungai Pusu, Gombak, MPS menyita sebuah jentera berat dan sebuah jentolak manakala di lokasi kedua iaitu di sebelah Petronas MRR2 menuju Lebuhraya Karak, MPS menemui sebuah jengkaut yang sedang melakukan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan.

"Operasi disertai anggota penguatkuasa MPS, kakitangan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan serta anggota penguatkuasa Pejabat Tanah dan Daerah Gombak," katanya menerusi kenyataan semalam.

Katanya, tindakan diambil atas kesalahan Seksyen 70A(1) Akta jalan Parit dan Bangunan 1974.

"MPS memandang serius isu kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di kawasan pentadbiran Selayang dan akan terus melaksanakan pemantauan di semua lokasi tumpuan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 17 November 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 27 kawasan bakal alami gangguan bekalan air berjadual |
| Muka Surat | : | 25 |

# 27 kawasan bakal alami gangguan bekalan air berjadual

**KUALA LUMPUR -** Sebanyak 27 kawasan di wilayah Kuala Langat dan Sepang akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula jam 9 malam 24 November dan dijangka pulih sepenuhnya pada 5.30 petang 25 November.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri berkata, ia susulan kerja-kerja penggantian injap pada paip agihan di simpang Jalan Indah 1, Jalan B48 Pekan Sepang Lama yang akan dilaksanakan bermula jam 9 malam 24 November ini.

Menurutnya, pelaksanaan kerja-kerja penggantian injap di paip agihan itu akan membolehkan sistem pengagihan bekalan air berjalan lancar dan semua peralatan berkaitan sentiasa berada dalam keadaan baik dan optimum.

"Penambahbaikan infrastruktur injap ini juga adalah sebahagian usaha Air Selangor dalam meningkatkan pengalaman perkhidmatan terbaik demi keselesaan para pengguna di masa hadapan.

"Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air adalah berbeza mengikut kawasan bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan," katanya dalam kenyataan semalam.

Berdasarkan lampiran yang disediakan Air Selangor antara kawasan-kawasan bakal terjejas di wilayah Kuala Langat adalah Kampung Kudang, Tanjung Sepat New Village, Taman Pelangi, Taman Tanjung Sepat Indah, Ladang Bedford dan Kampung Tanjung Layang.

Kawasan lain di wilayah Kuala Langat yang bakal terjejas ialah Kuarters Estate Gadong, Kampung Batu Laut, Ladang Batu, Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Kampung Tanjung Sepat Darat, Berek Polis Tanjung Sepat, Kampung Batu Untung, Taman Batu Untung, Taman Tanjung, Taman Mutiara, Kampung Tumbuk dan Taman Kanchong Laut.

Bagi wilayah Sepang pula ia melibatkan Kampung Bukit Bangkong, Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Kem PKLS Hazliza Ulu Teris, Kampung Hulu Teris, Tanjung Rhu, Taman Seri Sungai Pelek, Kampung Ulu Chuchoh, Pekan Sungai Pelek dan Kampung Baru Sungai Pelek.

Sehubungan itu, Air Selangor menasihatkan para pengguna yang terjejas untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemat sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual itu.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web Air Selangor di *www.airselangor.com* atau rujuk kesemua saluran komunikasi rasmi syarikat itu seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter, atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300 - *Bernama*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | KOSMO Online |
| Tajuk Berita | : | 9,423 individu hilang kerja di Selangor |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

# KERATAN AKHBAR
## 16 November 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | myMetro On-line |
| Tajuk Berita | : | Bersidang dalam talian |
| Muka Surat | : | - |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 16 November 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Amanah sahkan ADUN Meru keluar parti sertai PKR |
| Muka Surat | : | - |



Isnin | 16 November 2020

>> BERITA > NASIONAL > Amanah sahkan ADUN Meru keluar parti sertai PKR

# Amanah sahkan ADUN Meru keluar parti sertai PKR

Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar

SHAH ALAM - Parti Amanah Negara (Amanah) mengesahkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar telah keluar daripada parti tersebut bagi menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Setiausaha Amanah Selangor, Ar Kamarul Hisham Yeop Hashim dalam satu kenyataannya hari ini.

"Amanah Selangor ingin memaklumkan bahawa Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar, Adun Meru telah keluar dari Parti Amanah Negara untuk menyertai PKR. Oleh itu, semua jawatan parti yang disandang oleh beliau terbatal serta merta.

"Amanah Selangor mengucapkan terima kasih di atas sumbangan beliau selama ini," katanya.

Amanah | keluar parti | ADUN Meru | Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED
IQNet
MANAGEMENT SYSTEM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 15 November 2020

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | 9,423 pekerja di Selangor diberhenti kerja |
| Muka Surat | : | - |



9,423 pekerja di Selangor diberhenti kerja

KUALA SELANGOR - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor merekodkan seramai 9,423 pekerja di negeri ini yang diberhentikan dalam tempoh 1 Januari hingga September 2020.

Exco Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Mohd Khairuddin Othman berkata, jumlah itu membabitkan pelbagai sektor pekerjaan.

"Antara sektor pekerjaan terjejas teruk adalah pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan perkilangan," katanya pada sidang media selepas Program Jelajah Selangor 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor di sini hari ini.

Dalam pada itu menurutnya, kerajaan Selangor menyasarkan penurunan kadar pengangguran di negeri ini daripada 5.3 peratus kepada 4.5 peratus pada tahun ini.

Katanya, pelbagai usaha dilakukan kerajaan negeri termasuk melalui Program Jelajah Selangor Bekerja 2020 bagi membantu rakyat yang masih menganggur dalam keadaan negara terkesan akibat pandemik koronavirus (Covid-19).

"Kerajaan negeri terus komited meneruskan Jelajah Selangor Bekerja 2020 yang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini.

"Kita akan melaksanakan secara berperingkat di empat daerah bermula di Kuala Selangor diikuti Gombak, Petaling, Hulu Selangor dan terakhir Selangor Job Fair 2020 diadakan di Shah Alam," katanya.

Mohd Khairuddin berkata, sebanyak 5,000 peluang pekerjaan ditawarkan pada siri Mega Jelajah Selangor Bekerja 2020.

"Kita menyasarkan seramai 100 pemohon di setiap daerah dengan membabitkan sebanyak 94 majikan yang mengambil bahagian," katanya.

"Sehingga kini, sebanyak 9,969 pendaftaran telah diterima sejak permohonan dibuka pada 15 September tahun ini menerusi laman sesawang www.jobsmalaysia.gov.com," katanya.

diberhentikan kerja | hilang pekerjaan | Selangor | kadar pengangguran | Jabatan Tenaga Kerja (JTK)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**15 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Sultan Selangor, Tengku Permaisuri zahir ucapan takziah pemergian Zaleha |
| Muka Surat | : | - |



# Sultan Selangor, Tengku Permaisuri zahir ucapan takziah pemergian Zaleha

Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menerima menghadap Allahyarhamah Zaleha di Istana Bukit Kayangan pada 11 Mac 2018. Foto: Ihsan FB Selangor Royal Office

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan ucapan takziah di atas pemergian bekas Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Allahyarham Tan Sri Zaleha Ismail.

Perutusan takziah itu dizahirkan menerusi kemas kini di laman Facebook Selangor Royal Office hari ini.

"Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dengan rasa dukacita berkenan menzahirkan perutusan takziah di atas kembalinya ke Rahmatullah bekas Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Tan Sri Zaleha Ismail," katanya.

Berdasarkan perutusan berkenaan, Allahyarham Zaleha disifatkan sebagai antara tokoh pemimpin wanita tersohor tanah air yang pernah menjawat jawatan Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat sejak tahun 1995 hingga 1999.

Selain itu, anak kelahiran Kuala Langat itu juga merupakan pemimpin politik terunggul yang banyak berjasa kepada rakyat dan pernah menduduki kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang pada tahun 1978 serta menjadi Ahli Parlimen Gombak pada tahun 1987.

"Sikap Allahyarham yang mudah mesra dan peramah menyebabkan ramai yang menyenanginya sehingga beliau pernah dilantik sebagai Penaung Kehormat Persatuan Ibu Tunggal Negeri Selangor.

"Di atas jasa dan bakti sepanjang hayatnya, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengurniakan beliau dengan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) pada tahun 1980 dan Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (S.S.S.A.) pada tahun 2001 yang membawa gelaran Datin Paduka Seri," katanya.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin turut mendoakan agar roh Allahyarhamah ditempatkan bersama orang-orang beriman.

15 November 2020 – DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku...

Posted by Selangor Royal Office on Sunday, November 15, 2020

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2020** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | WASTE COLLECTION |
| Muka Surat | : | 2 |

# WASTE COLLECTION

> Klang Municipal Council's free bulk waste collection is from 9am to noon on Monday and Wednesday while collection of reusable items for recycling takes place on Friday. For details, call 03-3372 6781/3372 4820 (Environmental Services Department).

